

Seni Bela Diri Membentuk Pemikiran Dan Personaliti Mulia

oleh: **Norshamsuliana**



Encik Syahrom Saidon, Pengarah Demo Terbesar Silat Cekak Pusaka Hanafi Sabah.

AHAD, 23 Mac – Persembahan Seni Bela Diri 1Malaysia Terbesar peringkat negeri Sabah telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Likas pada 22 Mac 2014 sehingga 23 Mac 2014.

Program anjuran Persekutuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussin, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah.

Acara yang julung kali diadakan ini melibatkan seramai 1,500 orang yang mengikuti persembahan seni

bela diri, termasuk persatuan Silat Seni Gayung Fatani Sabah, Wushu, Karate, dan sebagainya. Persembahan dan pertandingan Waja Diri ini telah berlangsung pada hari Sabtu yang menunjukkan persembahan silat dari kalangan ahli Persatuan Seni Silat Cekak Hanafi.

Pengarah Demo Terbesar Silat Cekak Pusaka Hanafi Sabah iaitu Encik Syahrom bin Saidon berkata pertandingan Waja Diri ini bertujuan untuk memperlihatkan kekreatifan dan kemantapan persembahan silat yang mereka persembahkan.

Melalui pertandingan tersebut Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Kinabalu, telah muncul juara keseluruhan bagi acara tersebut. Tempat kedua dimenangi oleh Intek Shah Alam dan tempat ketiga, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Johor. Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussin telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang dalam majlis tersebut.

“Program ini bertujuan untuk melihat para belia di negeri ini terlibat secara aktif dalam kegiatan yang sihat disamping menunjukkan bakat dan membina jati diri sendiri,” katanya kepada media.



Persembahan daripada Silat Cekak Pusaka Hanafi.